

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 10 MAC 2015

RUJUKAN : 7485

SOALAN:

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah pelaksanaan akan dibuat bagi menambahkan lagi kekuatan Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) di seluruh negara khususnya di Daerah Kecil Pengkalan Hulu, Perak dan bilakah unit berkenaan akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak seperti mana yang pernah dinyatakan dalam Dewan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melihat isu keselamatan sempadan serta kedaulatan negara sebagai salah satu elemen yang signifikan kepada kesejahteraan hidup rakyat dan pembangunan negara secara berterusan. Negara kita tidak terkecuali dalam menghadapi pelbagai bentuk ancaman yang mampu mengugat keselamatan dan kedaulatan negara. Aktiviti penyeludupan ini berupaya memesongkan sumber Kerajaan, apabila dieksploitasi oleh penyeludup untuk mengaut keuntungan daripada hasil negara. Kementerian Dalam Negeri sememangnya telah mempunyai perancangan bagi menambah kekuatan anggota bukan hanya di Unit Pencegahan Penyeludupan(UPP) Negeri Perak tetapi juga di negeri-negeri yang lain di seluruh negara. Perkara ini terkandung di dalam pelan transformasi UPP yang sedang digerakkan melalui penyediaan kertas cadangan yang akan dikemukakan kepada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Punca kuasa penubuhan UPP adalah melalui Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 15 yang dikeluarkan oleh MKN. Pada masa ini, mandat yang diberikan kepada UPP adalah terhad kepada empat buah negeri sahaja iaitu di Negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan yang merupakan negeri-negeri yang bersempadanan dengan Negara Thailand. Justeru, melalui cadangan pelan transformasi UPP yang akan dikemukakan kepada MKN, skop operasi UPP akan diperluaskan ke seluruh negara bagi menambah

kekuatan dan memantapkan keupayaan penguatkuasaan ke atas aktiviti penyeludupan di seluruh negara.

Dalam konteks ini UPP akan dicadangkan sebagai satu pasukan elit bagi memerangi jenayah penyeludupan melalui gabungan kekuatan anggota terlatih dan berpengalaman daripada 3 agensi utama yang bertindak secara bersepadu iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Pengurusan operasi UPP juga akan disusun semula dan diperkemaskan bagi memantapkan kekuatannya secara menyeluruh selaras dengan cabaran dan tuntutan pada masa ini dan juga masa hadapan. Ini penting kerana isu penyeludupan di sempadan negara merupakan cabaran utama kepada pihak penguatkuasa berikutan kawasan sempadan negara yang sangat luas dan bentuk muka bumi yang pelbagai.

Sesungguhnya pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dan sentiasa berusaha bagi menangani dengan bersungguh-sungguh isu berkaitan dengan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan ini. Justeru, cadangan perluasan skop operasi UPP ini merupakan di antara usaha yang digerakkan bagi memperkukuhkan dan memperkasakan lagi kekuatan sedia ada agensi-agensi penguatkuasa di negara kita.